

# USIM raikan pengantin antarabangsa



ASMA (kiri) menyampaikan hadiah kepada Abu Bakar dan Amina pada majlis perkahwinan pasangan itu di USIM, Nilai, Negeri Sembilan semalam.

**NILAI**—Pengalaman bersanding mengikut adat perkahwinan masyarakat Melayu mungkin menjadi kenangan terindah buat pengantin warga Gambia, Abu Bakar Saho dan isterinya, Amina Saho.

Abu Bakar yang merupakan graduan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan pasangannya diraikan dalam majlis yang diadakan di Galeri Bangunan Hal Ehwal Pelajar, USIM di sini kelmarin.

Pada majlis tersebut, Abu Bakar dan isterinya yang merupakan guru mualaf Bahasa Inggeris di Krabi, Thailand itu memakai pakaian tradisional Melayu sebelum diarak dengan bunga manggar diiringi paluan kompang ke pentas pelamin.

Majlis yang bertemakan warna merah hati itu diatur

inisiatif Persatuan Pelajar Antarabangsa bersama Unit Kebudayaan dan Kesenian Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

Turut hadir Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Perkenalan antara bekas peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2013 dengan Amina, dari Manchester, United Kingdom itu bermula selepas mereka diperkenalkan rakan baik Abu Bakar, Rushdy Muktar, warga Thailand yang menuntut di USIM.

Atas faktor jarak, pasangan itu memilih laman Facebook dan Skype sebagai medium untuk berhubung sebelum membuat keputusan menikah pada 5 Januari lalu.